

27 APR 1998

KTM TAMBAH PERKHIDMATAN UNTUK SUKARELAWAN SUKOM

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- KTM Berhad akan menambah perkhidmatan komuter pada Ahad ini sempena perjumpaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan sukarelawan Sukan Komanwel ke-16 di Mines Resort City di sini.

Seramai 16,000 sukarelawan dari seluruh negara dijangka menghadiri perjumpaan itu.

Menurut kenyataan KTM, perkhidmatan tambahan itu membabitkan sektor Pelabuhan Klang-Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur-Serdang pada waktu puncak dari jam 6.30 hingga 9.30 pagi.

Bagi perkhidmatan Pelabuhan Klang-Kuala Lumpur, perkhidmatan tambahan bermula jam 6.02 pagi dan berakhir jam 8.02 pagi dengan kekerapan 15 minit setiap perkhidmatan.

Bagi laluan Kuala Lumpur-Serdang, sebanyak 15 perkhidmatan termasuk 10 perkhidmatan tambahan akan diadakan bermula jam 6.25 pagi dan berakhir jam 8.45 pagi dengan kekerapan setiap 10 minit.

Sukarelawan dinasihat supaya membeli tiket pergi balik (RM3.00) ke Serdang di stesen permulaan bagi mengelak keadaan sesak.

-- BERNAMA

RV ZAB